

03 DEC 1996

ORANG RAMAI ENGGAN BUAT ADUAN BARANG MAHAL

LANGKAWI, 3 Nov (Bernama) -- Orang ramai dan pelancong diminta membuat aduan tentang harga barang mahal setiap kali acara besar diadakan di sini.

Pegawai Daerah Langkawi, Ismail Hamid berkata berkata Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak dapat bertindak tanpa kerjasama orang ramai.

"Setakat ini kita hanya menerima dua aduan tentang kepenggunaan di sini dan itu pun tidak berkaitan dengan harga barangan yang mahal,"katanya kepada pemberita pada Pameran Antarabangsa Motor Langkawi 96.

Ismail berharap orang ramai dan pelancong memberi kerjasama dengan membuat laporan kepada Pejabat Daerah atau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di sini.

Beliau kesal dengan sikap peniaga di sini yang mengambil kesempatan untuk membuat untung jangka pendek berikutan kunjungan orang ramai ke sini terutama musim cuti sekarang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas merasmikan Limos 96 Ahad lepas melahirkan rasa kecewanya kerana harga barangan di Langkawi meningkat setiap kali acara besar berlangsung di sini. -- BERNAMA

MT FAZ